

24 JUN 1999

AGONG HANTAR PERUTUSAN TAHNIAH KEPADA SLOVENIA

KUALA LUMPUR, 24 Jun (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Siti Aishah hari ini menghantar perutusan tahniah kepada Presiden Slovenia Milan Kucan sempena Hari Kemerdekaan republik itu.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad turut menghantar perutusan serupa kepada rakan sejawatannya Dr Janez Drnovsek.

Dalam perutusannya, Dr Mahathir menekankan bahawa adalah penting bagi kedua-dua negara saling bekerjasama bagi meningkatkan hubungan dua hala.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar pula dalam perutusan kepada rakan sejawatannya Dr Boris Frlec berkata Malaysia berharap menjalin kerjasama rapat dengan Slovenia dalam usaha memperkukuhkan kerjasama dua hala kedua-dua negara.

Syed Hamid berkata beliau yakin terdapat skop yang luas untuk meningkatkan lagi hubungan Malaysia-Slovenia.

-- BERNAMA

AKT RHM